

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN  
BILANGAN 4 TAHUN 1998**

---

**PINDAHMILIK TANAH KEPADA ORANG MELYU BUKAN ANAK KELANTAN  
YANG TINGGAL DI KELANTAN MELEBIHI 15 TAHUN DAN  
MEREKA YANG LAHIR DI MANA SAHAJA TETAPI  
BAPANYA SEORANG MELAYU PERANAKAN KELANTAN**

---

---

Arahan ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pentadbir Tanah tentang masalah Orang Melayu yang tinggal di Kelantan melebihi 15 tahun dan mereka yang lahir dimana sahaja tetapi bapanya seorang Melayu Peranakan Kelantan tetapi tidak ada pembuktian yang kukuh, hanyalah surat akuan (sumpah) yang begitu longgar serta meragukan Pentadbir Tanah yang lain untuk proses pendaftaran.

2. Di dalam Enakmen Tanah Kelantan 1938 Anak Kelantan ditakrifkan sebagaimana berikut :-

2.1. Any person born in Kelantan whose father was Malay

- i) Sesiapa sahaja yang lahir di Kelantan, bapanya seorang Melayu;
- ii) Bapanya tak kira samada seseorang Melayu Perak, Johor, Kedah atau mana-mana negeri di dalam Semenanjung Tanah Melayu termasuk Pulau Pinang dan Melaka;
- iii) Masalah Ibu tidak berbangkit samada ibunya itu Cina, Siam atau bangsa lain.

2.2. Any person born in Kelantan whose mother was a Malay and whose father was a Muslim

- i) Sesiapa sahaja yang lahir di Kelantan ibunya seorang Melayu dan Bapanya seorang Islam;
- ii) Ibunya tak kira asal Melayu samada berasal dari Negeri Perak, Kedah, Selangor, atau mana-mana Negeri Semenanjung Tanah Melayu termasuk Pulau Pinang dan Melaka ;
- iii) Bapanya seorang Islam samada keturunan Cina, India, Inggeris atau apa bangsa sekalipun asalkan Islam.

2.3. Any person wherever born whose father was a Malay born in Kelantan.

Lahir di mana-mana sahaja baik di dalam Malaysia atau Luar Malaysia, bapanya seorang Melayu yang lahir di Negeri Kelantan (walau bapanya kini warganegara Asing).

2.4. Any person wherever born both of parents were Malays and who has resided at least 15 years in Kelantan ;

Lahir di mana sahaja (warganegara Asing), kedua Ibubapanya orang Melayu dan telah tinggal sekurang-kurangnya 15 tahun di Negeri Kelantan.

2.5. Any person who was born in Kelantan and whose father was also born in Kelantan ;

Sesiapa sahaja yang lahir di Kelantan dan Bapanya juga lahir di Kelantan.

3. Butiran 2.1., 2.2., 2.5, tidak menimbulkan masalah kerana dapat dibuktikan melalui Ibu, Bapa dan dokumen tertentu tetapi tidak dengan Butiran 2.3. dan 2.4.
4. Dengan demikian bagi menghilangkan keraguan tersebut, Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya di dalam menyelesaikan kes di butiran 2.3. dan 2.4 arahan ini hendaklah mengikut garis panduan bagaimana berkembar di *Lampiran 'A'*.
5. Surat Akuan (Sumpah) dan Sokongan ini hendaklah dikepilkan semasa diserahkan kepada Bahagian Pendaftaran bersekali dengan Hakmilik dan Borang 14A yang telah disempurnakan.
6. Bagi Tanah Hakmilik Pendaftar, pemohon hendaklah mengepilkan fotostat siasatan yang disahkan, selain daripada dokumen lain bagaimana perenggan (5) di atas, untuk diserahkan kepada Bahagian Pendaftaran, Pejabat PTG.
7. Dengan keluarnya arahan ini, maka diharap semua Pentadbir Tanah akan dapat menyelesaikan masalah pindah milik tanah kepada Melayu Anak Kelantan dengan lebih mudah dan tepat serta dapat dilindungi daripada tindakan Undang-Undang apabila berbangkit nanti.
8. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

**t.t**

**(Md. Yusuf bin Noh)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri,  
**Kelantan**

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Dato' Menteri Besar, Kelantan
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang, Negeri Kelantan
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. Y.Brs. Ketua Penolong Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. Y.Brs. Ketua Penolong Setiausaha, Kerajaan Tempatan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3. TINGKAT BAWAH  
KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN.3269 JLD.2/(25)**

**BERTARIKH : 03 ZULKAEDAH 1418  
02 MAC 1998**

## **LAMPIRAN 'A'**

### **GARIS PANDUAN UNTUK MENENTUKAN ANAK KELANTAN DI BAWAH ARAHAN PTG BIL. 1998 BUTIRAN 2, 3 DAN 2, 4.**

1. Pemohon mempunyai surat beranak dan kad pengenalan yang mencatatkan kelahiran di kelantan.
2. Pemohon mempunyai surat beranak yang mana ibu dan bapanya telah lahir di kelantan.
3. Sekiranya pemohon mengaku bahawa dirinya telah 15 tahun lebih tinggal di kelantan, beberapa maklumat perlu dikepilkan:

#### **3.1 BAGI PEMOHON-PEMOHON YANG BERJAWATAN**

- (i) Surat lapor diri mula berkhidmat;
- (ii) Sijil kelahiran anak-anak;
- (iii) Surat kemasukkan sekolah anak;
- (iv) Surat kemasukkan sekolah pemohon;
- (v) Kenyataan perkhidmatan;
- (vi) Lain-lain dokumen rasmi yang boleh membuktikan pengakuan pemohon

#### **3.2 BAGI PEMOHON-PEMOHON YANG TIDAK BERJAWATAN**

- (i) Surat Akuan (Sumpah) yang menyatakan pemohon atau Bapa pemohon memenuhi syarat Anak Kelantan. Surat Akuan Sumpah ini hendaklah disertakan bersama surat sokongan/pengesahan bagaimana fotostat berkembar *Lampiran B dan Lampiran C*.
- (ii) Orang yang membuat Surat Akuan sekurang-kurangnya sebaya atau lebih tua dari orang yang diperakukan.

4. Pentadbir Tanah hendaklah membuat siasatan bagi kedua-dua kategori di atas (3.1) dan (3.2) mengikut kaedah perundangan di bawah Bab 4 Bahagian 2 Kanun Tanah Negara. Siasatan ini perlu dibuat bersama pemohon, Penghulu Mukim, Penggawa Daerah di hadapan Pentadbir Tanah untuk disahkan.
  
5. Setelah siasatan dibuat oleh Pentadbir Tanah bagaimana perenggan 4 di atas, dan masih menimbulkan keraguan, maka Pentadbir Tanah hendaklah merujuk perkara ini kepada Pengarah Tanah dan Galian Kelantan.

**SCHEDULE**  
**FORM A**  
**SURAT AKUAN**

Saya,.....  
K/P:..... telah cukup umur, bahasa.....  
yang tinggal di.....  
dengan sungguh dan sebenarnya mengaku bahawa.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....dan saya membuat  
surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar,  
serta menurut Undang-undang surat Akuan 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya )  
Diakui oleh yang tersebut namanya di atas )  
Iaitu..... )  
..... )  
Di ..... )  
Di negeri kelantan, )  
Pada .....hb.....19..... )

Di hadapan saya,  
.....  
(Tandatangan Yang Dipertua  
Mahkamah Tengah, Pengadil  
Atau Pesuruhjaya sumpah).

**SURAT SOKONGAN/PENGESAHAN**

Saya, .....K/P.....  
(Nama)

Alamat.....

dengan ini sesungguhnya mengaku bahwa saya adalah Anak Kelantan mengikut Seksyen 2 Enakmen Tanah Kelantan 1938. Bersama- sama ini disertakan dokumen /pembutiran bagi menyokong pengakuan saya ini.

.....  
(Tandatangan)

Nama pemohon :  
No.K/P :

---

Saya, .....no.K/P:.....  
(Nama)

Alamat .....

Penghulu Mukim:.....berpuas hati dengan keterangan yang dibuat oleh.....No.K/P:..... dan menyokong pengakuannya sebagai Anak Kelantan di bawah Seksyen 2 Tanah Kelantan 1938.

.....  
(Tandatangan)

Nama Pemohon :  
No.K/P :



Saya, .....no.K/P:.....

(Nama)

Alamat .....

Penggawa Daerah:.....berpuas hati dengan  
keterangan yang dibuat oleh Pemohon dan Penghulu Mukim .....  
sebagaimana di atas.

2. Saya dengan ini menyokong pengakuannya sebagai Anak Kelantan di bawah Seksyen  
2 Tanah Kelantan 1938.

.....  
(Tandatangan Peggawa)

Di hadapan saya,

.....  
(PENTADBIR TANAH)

